



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK AHMAD SHALABY BIN EMBONG
MENGENAI PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG
SUKAN KAYAK DAN SUKAN ANGKAT BERAT.**

PADA TAHUN 1990 - SEKARANG

**DISEDIAKAN OLEH:
NORASHIKIN ZULKIFLI
NOR FAZLINDA BINTI AB RAHMAN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

BAGI SEMESTER MAC 2014/JULAI 2014

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	
1.0	ABSTRAK	i
2.0	SINGKATAN	ii
3.0	BIODATA PENULIS	
	3.1 BIODATA PENULIS 1	iii - iv
	3.2 BIODATA PENULIS 2	
4.0	Pengenalan	
	4.1 Pengenalan Kayak	
	4.2 Pengenalan Angkat Berat	v - xiii
	4.3 Pengenalan Tokoh	
5.0	TRANSKRIP WAWANCARA	1 - 52
6.0	LOG WAWANCARA	53 - 62
7.0	KRONOLOGI	63 - 66
8.0	BIODATA TOKOH	67 - 68
9.0	SENARAI SOALAN WAWANCARA	69 - 79
10.0	RALAT	80
11.0	SENARAI RUJUKAN	81
12.0	LAMPIRAN	
	12.1 GAMBAR	xiv - xix
	12.2 SENARAI GAMBAR	xx - xxi

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana memberi kami kekuatan dan kesempatan untuk menyiapkan tugas temubual bersama Encik Ahmad Shalaby Bin Embong, seorang atlet sukan negara dalam bidang sukan kayak dan sukan angkat berat mengenai sumbangan beliau dalam bidang sukan di tanah air kita. Akhirnya kami dapat melengkapkan Dokumentasi Sejarah Lisan (IMR 604) ini dengan jayanya. Jutaan ucapan terima kasih kami tujukan khas buat Encik Ahmad Shalaby bin Embong kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah serta kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama daripada pihak Encik Ahmad Shalaby mungkin kami tidak dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Tidak kami lupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami kepada pihak yang membantu kami iaitu Muhamad Hanifah Mohd Dani yang mempertemukan kami dengan Encik Ahmad Shalaby bin Embong.

Kami juga ingin mengucapkan setulus penghargaan dan terima kasih kepada En. Mohd Faizal bin Mohd Ramsi, pensyarah bagi subjek Dokumentasi Sejarah Lisan (IMR 604) ini di atas tunjuk ajar, bimbingan dan nasihatnya dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna dari mula tugas ini dijalankan sehinggalah ianya dapat diselesaikan dengan jayanya. Akhir sekali, kami ingin menyampaikan rasa terima kasih dan penghargaan kami kepada kawan-kawan dan keluarga di atas sokongan, galakan dan pendapat mereka mengenai tugas ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

1.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Ahmad Shalaby bin Embong Mengenai Penglibatan dan Pengalaman Beliau Dalam Bidang Sukan Kayak dan Sukan Angkat Berat.

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Ahmad Shalaby bin Embong mengenai penglibatan dan pengalaman beliau dalam bidang sukan kayak dan sukan angkat berat. Beliau menceburkan diri dalam bidang sukan kayak selama 23 tahun dan sukan angkat berat selama 9 tahun. Transkrip temubual ini dijalankan di Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 18 April 2014 bermula jam 3.00 petang. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang sukan kayak dan angkat berat, beliau telah menyertai banyak pertandingan di dalam dan luar negara di samping menjadi jurulatih kayak. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang, pengalaman serta pencapaian beliau semasa menjadi atlet sukan kayak dan sukan angkat berat. Wawancara ini dirakamkan mengikuti prosedur yang ditetapkan dengan menggunakan pita rakaman dan dipindahkan ke dalam bentuk transkrip untuk digunakan sebagai rujukan dan penyelidikan untuk masa akan datang.*

Kata kunci : *Encik Ahmad Shalaby bin Embong, atlet, kayak, angkat berat, parakamu, jurulatih, sukan.*

2.0 SINGKATAN

Berikut adalah singkatan perkataan daripada temubual:

ASEAN - Association of Southeast Asian Nations

LTA - Legs, Trunk, Arms

PDRM - Polis Diraja Malaysia

PhD - Doctor of Philosophy

TA - Trunk, Arms

UK - United Kingdom